

23/12/1997

## Meningkatkan keluaran ikan negara

Nik Yahya Abd Rahman

PADA 1990 hingga 1995, pertumbuhan pengeluaran ikan negara adalah pada paras sederhana iaitu kira-kira 4.3 peratus, sedangkan pertambahan dalam permintaan ikan kira-kira 4.8 peratus setahun. Tahun lalu, negara mengalami defisit imbalan pembayaran bagi ikan sebanyak RM43 juta. Ini menyebabkan harga ikan melambung.

Apakah kita mampu menambah pengeluaran ikan dan tidak lagi bergantung kepada ikan import untuk memenuhi permintaan serta kegunaan tempatan yang semakin meningkat?

Tahap sara diri daripada pengeluaran ikan negara adalah sebanyak 95 peratus (1997). Bayangkan apa yang akan berlaku ke atas harga ikan domestik pada 2010 jika tahap sara diri waktu itu berkurangan menjadi 84 peratus. Sudah tentu permintaan dan harga ikan terus meningkat.

Keadaan itu menuntut nelayan dan jabatan/agensi berkaitan seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan memikirkan cara untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pun kerap menyarankan semua pihak mengambil tindakan lebih dinamik dan agresif memajukan industri perikanan negara.

Berasaskan potensi yang ada, kita mampu mengeluarkan ikan daripada 1.24 juta tan metrik (1997) kepada 1.93 juta tan metrik (2010), sedangkan permintaan terhadapnya melebihi kemampuan itu.

Dengan senario sedemikian, tanggungjawab meningkatkan pengeluaran ikan negara perlu digembleng dengan lebih terarah. Walaupun kita boleh mengimport ikan, negara tidak mampu menghadapi masalah defisit akaun semasa yang semakin parah.

"Sebagai sebuah jabatan teknikal yang diamanahkan untuk membangunkan sektor itu, sukalah saya menyeru agar segala langkah hendaklah diambil bagi merealisasikan matlamat ini."

"Sesuai dengan harapan Perdana Menteri yang ingin melihat industri perikanan negara membangun dengan pesat dan menyumbang kepada bekalan ikan, saya berpendapat bahawa kita hendaklah mempergiatkan usaha membangunkan sektor perikanan secara lebih terancang dengan tumpuan diberikan kepada aspek pelaksanaan segala dasar telah dirancang," kata Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Bagaimana caranya? Timbalan Menteri Pertanian Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor menegaskan pembangunan sektor perikanan sudah diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK-7) dan Dasar Pertanian Negara (DPN 3) yang sedang digubal. Strategi pembangunan perikanan yang digariskan bagi menumpukan pembangunan secara komersil, bersepadu dan memaksimumkan nilai tambah melalui penggembleran peranan yang lebih aktif daripada sektor korporat dan swasta.

Katanya teras pembangunan perikanan dalam DPN 3 memberi tumpuan kepada pendekatan ke arah peningkatan produktiviti dan daya saing sektor ekonomi yang lain di samping menerokai bidang baru.

Ini bermakna strategi perancangan bersepadu perlu dilaksanakan dalam pembangunan sektor perikanan, iaitu kerajaan mengenal pasti sektor kecil perikanan laut dalam dan akuakultur mempunyai potensi besar yang boleh menyumbang kepada peningkatan pengeluaran ikan negara.

"Pembangunan perikanan laut dalam akan dibangunkan melalui pembabitan aktif sektor swasta dan korporat di mana aspek pengeluaran, pemasaran, pemprosesan dan kegiatan sokongan lain akan dimajukan secara bersepadu.

"Kemudahan perikanan yang sedia ada akan dipertingkatkan, terutama melalui 24 pelabuhan perikanan LKIM yang beroperasi untuk menjadi pusat pertumbuhan perikanan laut dalam yang moden," katanya.

Jika ini benar, ia bermaksud semua kegiatan pemasaran berasaskan ikan akan dapat dilaksanakan secara berkesan apabila budaya pemasaran dan pengurusan pelabuhan moden diperkenalkan.

Selain itu, usaha hendaklah digerakkan bagi memastikan sumber perikanan laut dalam dan perairan antarabangsa di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara diterokai secara pesat, terutamanya di perairan Sabah, Sarawak dan Pantai Timur Semenanjung melalui perkongsian bijak antara pengusaha di negeri berkenaan.

Langkah kawal selia ke atas kapal laut dalam hendaklah dilaksanakan secara teratur bagi memastikan pendaratan ikan dilakukan di pelabuhan tempatan secara sistematik.

Dalam bidang akuakultur pula, kita mempunyai potensi cerah kerana memiliki banyak kawasan dan perairan umum yang sesuai untuk ditenak ikan secara akuakultur.

Langkah negara maju dalam bidang perikanan seperti Norway dan Denmark yang mengamalkan sistem ternakan ini membuktikan pulangan yang tinggi dinikmati oleh pengusahanya. Berasaskan pendekatan berkenaan, Kementerian Pertanian mengarahkan Jabatan Perikanan supaya mengambil langkah yang lebih agresif bagi merealisasikan iltizam itu.

Dalam usaha membangunkan akuakultur, tindakan perlu diambil bagi menggalakkan lebih banyak kegiatan pengeluaran dan asuhan benih ikan dijalankan. Pengurusan akuakultur dan kawalan penyakit ikan perlu diberi perhatian serius agar sektor kecil ini dapat dibangunkan secara lebih pragmatik dan sistematik.

Langkah berkenaan dititikberatkan supaya kegiatan akuakultur tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar, sebaliknya kemajuan dan pertumbuhannya dapat dikawal selia dengan berkesan.

"Dalam bidang perikanan, kita maju setapak lagi apabila kerajaan bersetuju negara menyertai pertubuhan `Indian Ocean Tuna Commission atau IOTC' .

"Melalui usaha berkenaan, kita akan dapat membabitkan diri secara aktif dalam pelbagai program dan aktivitinya supaya segala manfaat boleh dinikmati negara. Faedah yang spesifik dari segi teknologi dan maklumat perlu diperolehi supaya pembangunan perikanan tuna di negara ini dapat dimajukan," jelas Dr Tengku Mahmud.

Kita berbangga dengan perkembangan global yang menekankan pembangunan teknologi tangkapan, pengurusan lepas tuai yang sistematik, strategi pemasaran berhemat, isu kualiti dan serangan virus penyakit ditangani dan keselamatan makanan ikan demi kelangsungan hidup penduduk dunia yang terus meningkat.

Oleh itu, kepekaan dan langkah wajar patut diambil bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar termasuk sungai, tasik dan laut akibat kecuaiian manusia tidak menjejaskan pembiakan ikan dan kepentingan sektor berkenaan.

(END)